
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Februari/Mac 2005

JTP 452 - PERHUBUNGAN INDUSTRI

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SEMUA soalan. Jawapan anda harus disokong dengan mana-mana akta berkanun yang relevan jika perlu.

Sila pastikan bahawa anda telah menulis angka giliran dengan betul. Tuliskan angka giliran di setiap kertas jawapan anda.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

SOALAN 1 (20 markah)

Syarikat Bahan sedang mengadakan rundingan kolektif dengan Kesatuan Sekerja Pekerja mereka, tetapi telah mencapai jalan buntu. Beberapa ahli kesatuan sekerja berpendapat bahawa mereka harus mengambil tindakan industri terhadap Syarikat Bahan, manakala pihak pengurusan pula berpendapat bahawa hal kebuntuan harus dibincangkan lagi.

- (a) Nasihatkan para pekerja samada ahli-ahli kesatuan sekerja berhak untuk mengambil tindakan industri semasa rundingan kolektif masih berlangsung, walaupun telah menemui jalan buntu.
(5 markah)
- (b) Sekiranya pihak majikan Syarikat Bahan ingin mencari jalan penyelesaian melalui Jabatan Perhubungan Industri, apakah prosedur-prosedur yang harus diikuti?
(5 markah)
- (c) Semalam, pengurus kilang telah memecat seorang ahli kesatuan sekerja kerana beliau dianggap telah menghasut ahli-ahli lain untuk mogok. Jelaskan samada pengurus kilang berhak berbuat demikian. Apakah tindakan yang harus diambil supaya tidak bercanggah dengan Akta Perhubungan Industri 1967?
(5 markah)
- (d) Sekiranya pihak majikan ingin menggunakan pihak ketiga untuk cuba menyelesaikan masalah kebuntuan rundingan kolektif tersebut, apakah pilihan-pilihan yang boleh dipertimbangkan oleh pihak majikan Syarikat Bahan?
(5 markah)

SOALAN 2 (25 markah)

Berpandukan kepada Akta Pekerjaan 1955, nasihatkan para pekerja dibawah :

- (a) Puan Kunita baru bekerja dengan Syarikat Kesian selama 8 bulan dan telah mengandung sepanjang tempoh itu. Beliau masih belum disahkan dalam jawatannya. Semalam, dengan tiba-tiba, beliau telah kesakitan dan telah dihantar ke hospital untuk bersalin. Beliau tidak tahu samada beliau layak untuk menerima elaun bersalin. Berikan nasihat yang sesuai kepada Puan Kunita.

(6 markah)

- (b) Cik Lau didapati tidak datang ke pejabat lebih daripada 48 jam dan segala usaha untuk menghubungi beliau tidak berhasil kerana ahli keluarga beliau telah berhijrah ke luar negara dan kediaman beliau juga tidak mempunyai penghuni lain. Cik Lau juga tidak mengambil sebarang tindakan untuk menghubungi pihak majikannya. Justeru itu, Syarikat Tegas telah mengambil tindakan untuk menamatkan kontrak perkhidmatan Cik Lau. Pagi tadi, Cik Lau telah balik ke tempat kerjanya dan telah meminta untuk mendapat balik jawatan beliau. Cik Lau memberitahu bahawa beliau telah ditimpa kemalangan dan telah berada dalam keadaan koma selama 4 hari di Negeri Thai. Nasihatkan Cik Lau samada beliau berhak untuk meneruskan pekerjaannya dengan Syarikat Tegas. Terangkan jawapan anda.

(6 markah)

- (c) Encik Bulbul datang daripada Bangladesh untuk bekerja sebagai pekerja am di sebuah tapak pembinaan. Majikan Encik Bulbul meminta beliau untuk menggunakan bahan-bahan pembinaan yang tidak mematuhi tahap keselamatan yang ditetapkan. Encik Bulbul enggan berbuat demikian. Majikan memecat Encik Bulbul kerana mengingkari perintah dan telah memanggil Jabatan Imigresen untuk menahan Encik Bulbul. Apakah nasihat yang patut diberikan kepada Encik Bulbul?

(6 markah)

- (d) Kong berusia 15 tahun. Beliau datang daripada sebuah keluarga miskin dan justeru itu, terpaksa berhenti sekolah dan bekerja di sebuah kilang bahan api dekat rumah setingan beliau. Baru-baru ini, kilang bahan api tersebut telah terbakar pada larut malam dan Kong, yang sedang bekerja di sana telah mengalami kecederaan. Pengurus kilang bahan api tersebut enggan membayar sebarang pampasan kepada Kong malah mengatakan bahawa Kong tidak layak untuk dilindungi oleh undang-undang buruh. Nasihatkan Kong.

(7 markah)

SOALAN 3 (15 markah)

Berdasarkan kepada perundangan perhubungan industri yang sesuai, nasihatkan pekerja-pekerja berikut :

- (a) Encik Azahar telah bekerja dengan Syarikat Kedekut selama 8 tahun. Baru-baru ini, Syarikat Kedekut telah menaikkan pangkat Encik Azahar tetapi tidak memberi sebarang kenaikan gaji. Selain daripada itu, Encik Azahar juga dipaksa untuk membuat kerja lebih masa (overtime) tanpa sebarang bayaran sebab Syarikat Kedekut mengatakan bahawa Encik Azahar telah dinaikkan pangkat sebagai pengurus dan justeru itu, tidak layak untuk mendapatkan bayaran kerja lebih masa. Pihak atasan juga sering memaksa Encik Azahar untuk balik kerja pada cuti umum dan juga hari rehat. Encik Azahar ingin mengambil tindakan pemecatan secara konstruktif, tetapi tidak tahu bagaimana melakukannya. Nasihatkan Encik Azahar.

(7 markah)

- (b) Encik Mohan telah berkahwin dan mempunyai tiga orang anak. Encik Mohan merupakan seorang pendiam dan amat menyayangi keluarganya. Baru-baru ini, di tempat kerja beliau, seorang gadis muda telah jatuh cinta pada Encik Mohan dan sering mengambil kesempatan untuk menyentuh dan memegang Encik Mohan. Encik Mohan rasa amat tidak selesa dengan tindakan gadis muda tersebut dan telah memberitahu pengurus beliau serta cuba mengelak dari gadis muda tersebut. Pengurus beliau tidak percaya kepada Encik Mohan. Pagi tadi, gadis muda tersebut cuba memeluk Encik Mohan. Encik Mohan cuba melarikan diri tetapi telah disalah tafsir oleh pengurusnya yang sebaliknya telah memecat beliau. Encik Mohan rasa tidak puas hati kerana beliau merupakan mangsa gangguan seksual tetapi telah dipecat dengan tidak adil. Nasihatkan Encik Mohan.

(8 markah)

SOALAN 4 (20 markah)

Berikan jawapan yang ringkas :

- (a) Apakah yang dimaksudkan dengan kesalahan kritikal (critical major), kesalahan utama (major) dan kesalahan kecil (minor) serta berikan dua contoh-contoh yang relevan untuk setiap satu jenis kesalahan?

(5 markah)

- (b) Apakah tujuan Kod Hasutan Seks / Gangguan Seksual? Adakah Kod Hasutan Seks mempunyai kuasa seperti Akta?

(5 markah)

...5/-

- (c) Apakah kehendak-kehendak keselamatan asas yang termaktub dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan?
(5 markah)
- (d) Kod Tingkahlaku untuk Keharmonian Industri bertujuan untuk memupuk keharmonian antara majikan dengan pekerja. Apakah kejayaan kod tersebut?
(5 markah)

SOALAN 5 (20 markah)

Buat pengiraan untuk yang berikut :

- (a) Cik Dashan telah bekerja dari jam 9 pagi sehingga jam 6 petang pada Hari Buruh. Waktu kerja biasa ialah daripada jam 8 pagi hingga ke jam 5 petang. Gaji bulanan Cik Dashan ialah RM 1,460. Beliau juga diberi elaun makan sebanyak RM 3 sehari. Apakah gaji yang harus didapati oleh Cik Dashan pada Hari Buruh tersebut?
(3 markah)
- (b) Encik Chee telah bekerja untuk Syarikat Auto selama 20 tahun 7 bulan dan 3 minggu. Gaji tahunan terakhir ialah RM 28,600. Beliau telah dibuangkan kerja akibat kegawatan ekonomi baru-baru ini. Syarikat Auto juga membayar pampasan tambahan sebanyak sebulan gaji untuk setiap tahun genap bekerja. Berapa banyakkah pampasan pembuangan kerja yang diperolehi Encik Chee?
(7 markah)
- (c) Encik Hashim telah meletak jawatan pada bulan Januari 2005. Tarikh akhir kerja beliau ialah pada 20 Januari 2005. Gaji tahunan beliau yang terakhir ialah RM 36,200. Syarikat di mana Encik Hashim bekerja juga telah mengumumkan bonus tahunan sebanyak 2% daripada gaji bulanan para pekerja. Majikan akan membayar kepada Encik Hashim bonus tahunan berdasarkan cara pro-rata (pro-rate). Berapakah jumlah gaji terakhir yang akan diterima oleh Encik Hashim pada keseluruhannya termasuk bonus?
(7 markah)
- (d) Cik Hasnah bekerja lebih masa selama 2 jam pada hari Isnin, 3 jam pada hari Selasa, 2 jam pada hari Rabu dan 4 jam pada hari Khamis. Gaji mingguan Cik Hasnah ialah RM 130. Berapa banyakkah gaji yang akan diperolehi Cik Hasnah pada minggu tersebut termasuk lebih masa?
(3 markah)